

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA: 5(B)(XIV)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB. LEE CHUN KIT**

3. Adakah Kerajaan Tempatan bersedia untuk memperkasakan setiap Persatuan Penjaja Pasar di pasar masing-masing untuk lebih bertanggungjawab dalam isu-isu keselamatan dan kebersihan?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

3. Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sememangnya telah memperkasakan peranan Persatuan Penjaja Pasar supaya persatuan-persatuan ini lebih bertanggungjawab dalam menangani isu-isu keselamatan dan kebersihan di pasar masing-masing.

Setakat ini, di kawasan pulau terdapat enam (6) buah pasar yang telah diswastakan iaitu:

- (i) Pasar Paya Terubong Jaya, Paya Terubong;
- (ii) Pasar Pagar Buloh, Sungai Ara;
- (iii) Pasar Desa Ria, Sungai Ara;
- (iv) Kompleks Lintang Macallum;
- (v) Pasar Batu Feringgi; dan
- (vi) Tapak Penjaja Desa Melor, Relau.

Di kawasan Seberang Perai pula, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah menyerahkan pengurusan Pasar Perkampungan Juru

kepada MPKK Perkampungan Juru bagi melaksanakan pembersihan dan kawalan keselamatan.

MBSP juga menyediakan insentif seperti berikut kepada pihak persatuan iaitu:

- (i) Menyediakan ruang khas untuk pihak Pengurusan Persatuan Penjaja di Pasar Awam; dan
- (ii) Memberi insentif kepada pihak ketiga Persatuan Penjaja Berdaftar dalam pengurusan tandas.

Bagi memantapkan lagi fungsi persatuan, Kerajaan Negeri akan menetapkan perkara-perkara berikut sebagai KPI persatuan:

- (i) Melaporkan risiko-risiko keselamatan;
- (ii) Merekodkan keperluan penduduk yang memerlukan keperluan pasar; dan
- (iii) Memantau dan melaporkan keperluan pembaikan pasar.

Kerajaan Negeri juga akan mengadakan sesi *town hall* untuk memperkasakan penjaja kerana sehingga kini masih terdapat Persatuan Penjaja yang tidak berdaftar secara rasmi dan masih banyak Pasar Awam yang tidak mempunyai persatuan kerana kurang kesedaran dalam kalangan peniaga.